

## SOP SEMAIAN JAGUNG MANIS

FB : Azuan Abdullah

Page : Sahabat Kebun Anda

Website : agromall.asia

Hari Lepas Semaikan (HLS)	KERJA / AKTIVITI	JENIS INPUT			STANDARD KUALITI & INDIKATOR	TINDAKAN	CATATAN
		BAHAN	JENIS	KADAR			
0	Menyemai.	Bekas semaihan	Tray semaihan		Diameter saiz lubang 4 cm x lebar lubang 4 cm		Boleh gunakan apa apa bekas seperti bekas sarang telur, cawan plastik dan lain lain.
		Media semaihan	Peat Moss		Peatmoss tidak terlalu basah dan tidak terlalu kering. Bila genggam tak keluar air, buka genggam tak hancur.	1. Peatmoss dimasukkan ke dalam lubang tray semaihan hingga penuh limpah. Jangan tekan peatmoss. Hentakkan tray ke lantai secara perlahan 2 kali. Ratakan peatmoss tadi.	Pastikan peatmoss betul betul hancur sebelum dimasukkan ke dalam tray semaihan.
		Benih	Jagung Manis	2 biji / lubang tray	Guna biji benih yang berkualiti	2. Letak biji benih ditengah tengah lubang tray. 2 biji benih untuk setiap lubang.  3. Tekan biji benih tadi dengan hujung jari. Kedalamannya lebih kurang 0.5 cm. Jika terlalu dalam, benih akan lambat cambah.	Biji benih tak perlu rendam.  Pastikan kedalaman adalah sama supaya percambahan benih jadi seragam.

Hari Lepas Semai (HLS)	KERJA / AKTIVITI	JENIS INPUT			STANDARD KUALITI & INDIKATOR	TINDAKAN	CATATAN
		BAHAN	JENIS	KADAR			
0	Menyemai.					<p>4. Tutup kesan lubang yang ditekan tadi dengan peatmoss. Tabur je atas lubang tu dan jangan tekan. Ratakan semula peatmoss tersebut dengan hati-hati supaya kedudukan benih tidak terusik dan bergerak.</p> <p>5. Spray media dalam tray dengan air kosong. Saya guna spray tangan je. Setting nozzle tu supaya keluar semburan kabus. Spray cukup cukup basah sahaja.</p> <p>6. Bungkus bekas semaian dengan plastik. Biarkan selama 2 hari dan simpan di tempat teduh. Proses ini dinamakan "heating".</p>	<p>Jika kedudukan biji benih berubah, ia boleh menyebabkan benih tumbuh tak seragam dan tak sekata.</p> <p>Media tu tak nak terlalu basah lencun ya. Risiko benih "lemas" atau berkulat nanti.</p> <p>Pastikan tray dibungkus dengan betul supaya wap air dan udara tak dapat keluar / masuk.</p>

Hari Lepas Semai (HLS)	KERJA / AKTIVITI	JENIS INPUT			STANDARD KUALITI & INDIKATOR	TINDAKAN	CATATAN
		BAHAN	JENIS	KADAR			
2	Buka "Heating"	Tray semaian	Jagung Manis	2 Malam (48) jam selepas semai.	Biji benih dah mula cambah.	Buka bungkusan dengan hati-hati. Jika media kering, spray dengan air kosong. Letakkan tray ditempat asal (redup).	Jika heating dibiarkan 3 malam, benih akan bercambah tinggi macam taukeh. Ianya tak elok untuk ditanam.
3	Pendedahan kepada cahaya matahari.	Anak benih dalam tray semaian	Jagung Manis	Mula dedah pada hari ke 3 hingga boleh tanam.	Semua anak benih dah cambah.	Rendam tray semaian dalam takungan beberapa minit. Bila media dah basah sepenuhnya, keluarkan tray dan letak tray tersebut di Kawasan yang kena cahaya matahari secara terus.	Untuk elakkan anak benih stress, proses ini dibuat waktu petang. Eloknnya selepas pukul 3 petang.
4 Hingga 6	Siraman Semaian		Air bersih ----- Takung / Besen		Pastikan media basah sepenuhnya.	Rendam tray semaian dalam takungan beberapa minit. Bila media dah basah sepenuhnya, keluarkan tray dan letak tray tersebut ditempat asal (tempat yang kena cahaya matahari).	Proses ini dibuat 1-3 hari sekali bergantung pada kelembapan media dan cuaca semasa.

Hari Lepas Semai (HLS)	KERJA / AKTIVITI	JENIS INPUT			STANDARD KUALITI & INDIKATOR	TINDAKAN	CATATAN
		BAHAN	JENIS	KADAR			
7	Menanam	Anak benih	Jagung Manis	2 pokok 1 point	Anak benih yang subur, tegak dan tiada serangan perosak & penyakit. Anak benih ada daun antara 2-3 helai.	Tanam anak benih hingga hampir paras daun yang paling bawah sekali.	Disyorkan tanam waktu petang untuk elakkan pokok stress dan layu.